

Lelaki didenda RM5,000 gara-gara ugut jiran kerana bakar kertas sembahyang

KUCHING: Seorang lelaki didenda RM5,000 atau penjara enam bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah mengugut jirannya sambil mengacukan pisau susulan isu pembakaran kertas sembahyang di luar rumah mangsa.

Kuan Poh Chung, 43, membuat pengakuan itu di hadapan Majistret Ling Hui Chuan sebaik didakwa mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa mengugut jirannya iaitu seorang wanita berusia 47 tahun sambil mengacukan pisau ke arah mangsa dalam

satu kejadian pada 24 April lalu, sekitar jam 11 malam di sebuah rumah di Jalan Stutung.

Fakta kes mendedahkan mangsa sedang membakar kertas emas dan perak bagi memperingati tarikh kematian bapa pengadu sebelum didatangi tertuduh yang membawa sebilah pisau serta bertindak memarahi pengadu sekeluarga.

Pengadu tidak pasti punca tertuduh bersikap sedemikian dan upacara sembahyang tersebut juga dilaporkan tidak mengganggu mana-mana laluan rumah tertuduh.

Tertuduh juga memberitahu sekiranya pengadu dan keluarga terus membakar kertas tersebut, tertuduh akan membunuh pengadu sekeluarga,

selain akan membakar kereta milik mereka.

Khuatir akan keselamatan diri serta keluarga, pengadu membuat laporan polis yang seterusnya membawa kepada penangkapan tertuduh.

Hasil siasatan mendapati perbuatan tertuduh yang mengugut pengadu dirakam oleh kamera papan pemuka kereta milik salah seorang ahli keluarga pengadu.

Dalam rakaman tersebut, tertuduh didapati mengeluarkan pisau dan mengacukannya ke arah pengadu serta keluarga.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Fauzulutfi Suriani sementara tertuduh diwakili peguam.